

## MODEL PROSES INTEGRASI SEMULA BEKAS BANDUAN: MATLAMAT, CABARAN DAN PROGRAM PASCA PEMBEBASAN

\***Mohd Alif Jasni<sup>1</sup>, Siti Hajar Abu Bakar Ah<sup>2</sup>, Noralina Omar<sup>2</sup> & Norruzeyati Che Mohd Nasir<sup>3</sup>**

<sup>1</sup> Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, Universiti Utara Malaysia dan Institute for Psychotherapy, Correctional & Rehabilitation (*iPSYCORE*), Malaysia

<sup>2</sup> Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya

<sup>3</sup> Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, Universiti Utara Malaysia dan Asian Research Institute for Corporate Governance, (ARICG).

\*Corresponding author's email: mohd.alif.jasni@uum.edu.my

### ABSTRAK

Karya ini menjelaskan sebuah model tentang proses integrasi semula bekas banduan yang dibebaskan dari penjara. Model ini memaparkan matlamat, cabaran dan program pasca pembebasan yang dapat diperkenalkan dalam membantu proses integrasi semula bekas banduan. Ilham pengkaji terhadap model ini bermula daripada isu pengulangan jenayah yang berlaku dengan kadar yang sangat tinggi sepanjang tahun. Model ini menunjukkan proses pembebasan bekas banduan melibatkan tiga fasa; fasa pembebasan, peralihan dan penentuan. Setiap fasa yang dilalui menentukan proses integrasi semula yang akan dilalui oleh bekas banduan. Namun, terdapat pelbagai cabaran yang dihadapi oleh bekas banduan sepanjang melalui proses integrasi semula. Model ini mencadangkan program pasca pembebasan yang dapat diperkenalkan; program pra-persediaan, program pasca pembebasan dan program jagaan lanjutan. Model ini diharap dapat menjadi inspirasi kepada pemegang taruh terutamanya Jabatan Penjara Malaysia untuk menambahbaik program integrasi semula.

**Kata kunci:** Integrasi semula, bekas banduan, matlamat, cabaran, program pasca pembebasan.

### 1. PENGENALAN DAN PERIHAL KARYA

Sehingga akhir Disember 2020, Jabatan Penjara Malaysia (2021) telah melaporkan terdapat seramai 32,902 orang pengulang laku jenayah (residivis) yang telah dipenjarakan semula di penjara-penjara seluruh negara di Malaysia. Perangkaan ini telah membuktikan masih terdapat ramai bekas banduan yang terus terjebak semula di dalam jenayah ketika berada di dalam proses integrasi semula dengan anggota masyarakat. Secara tidak langsung, jumlah dalam residivisme yang masih tinggi juga memperlihatkan masih terdapat ramai bekas banduan yang masih kurang berupaya untuk berintegrasi semula dengan masyarakat umum. Ataupun, anggota masyarakat tidak dapat menerima kehadiran bekas banduan di dalam kehidupan mereka. Perkara ini juga menunjukkan yang integrasi semula bukanlah satu proses yang mudah buat bekas banduan. Mereka terpaksa mengharungi cabaran yang besar selepas dibebaskan dari penjara. Jumlah pembebasan dan banduan pengulang laku jenayah di dalam Jadual 1.1:

**Jadual 1.1. Jumlah pembebasan dan banduan pengulang laku jenayah, 2010-2019**

Tahun	Bebas 3 Tahun Jumlah (Orang)	Banduan Pengulang laku Jenayah Jumlah (Orang)	Peratus (%)
2010	75,397	5,524	7.32
2011	76,699	6,033	7.86
2012	81,862	6,524	7.97
2013	88,883	6,769	7.61
2014	94,495	7,619	8.06
2015	102,214	8,897	8.70
2016	110,683	9,875	8.92
2017	124,567	11,520	9.25
2018	134,690	13,896	10.32
2019	143,636	15,410	10.88
2020	210,251	32,902	15.64

Sumber: Jabatan Penjara Malaysia (2021)

Majoriti banduan yang menjalani hukuman di dalam penjara akan dibebaskan ke dalam kehidupan bermasyarakat (Andress, Wildes, Rechting & Moritsugu, 2004; La Vigne et al., 2007). Setiap yang dibebaskan perlu menjalani suatu proses integrasi semula (re-integration) dengan kehidupan bermasyarakat. Integrasi semula merupakan satu istilah yang merujuk kepada satu program atau perkhidmatan sosial transisi dari penjara ke dalam pengawasan komuniti untuk membantu dan membimbing bekas banduan yang baru dibebaskan daripada penjara (Hughes & Wilson, 2004). Menerusi program atau perkhidmatan sosial ini dijangka dapat membantu melancarkan proses integrasi semula.


Program integrasi semula melibatkan satu rangkaian intervensi yang mampu membantu bekas banduan memperolehi kemahiran hidup yang diperlukan untuk menyesuaikan diri dalam masyarakat dan menjauhkan diri daripada risiko dan aktiviti jenayah (Austin, 2001; Phillips & Lindsay, 2011; Travis & Petersilia, 2001). Kebanyakan program integrasi semula berkisar kepada penyediaan pelbagai peluang dan akses pekerjaan kepada bekas banduan, membina semula hubungan yang bermakna dengan anggota keluarga mereka, peluang untuk memiliki kediaman/rumah yang bersesuaian untuk perkembangan keluarga, menikmati semula kehidupan sivil mereka, menjadi semula anggota masyarakat yang bermanfaat, berpeluang untuk menyertai semula secara prososial aktiviti-aktiviti sosial dalam masyarakat dan bersama-sama terlibat di dalam proses pembangunan negara (Thompson, 2010).

Namun begitu, dalam konteks tempatan, program atau perkhidmatan sosial sebegini masih belum ada dilaksanakan secara holistik kepada bekas banduan. Kebanyakan mereka yang telah bebas tidak sebarang bantuan atau bimbingan dari pihak penjara, lebih-lebih lagi setelah tempoh pemantauan tamat. Mereka perlu melalui proses integrasi semula secara bersendirian. Keadaan sebegini tidak menjadi mustahil bagi bekas banduan yang tidak mempunyai sebarang bimbingan atau sokongan untuk menemui kegagalan dalam berintegrasi semula lalu terjerumus ke dalam tingkah laku jenayah semula. Maka dengan berpaksikan kepada isu pengulangan jenayah dan integrasi semula, model ini dilihamkan untuk memaparkan kehidupan bekas banduan apabila berada di luar penjara. Model ini bertujuan untuk memberi gambaran tentang proses integrasi semula bekas banduan setiap kali dibebaskan. Ia melibatkan fasa pembebasan, peralihan dan fasa integrasi semula. Model ini melibatkan tentang matlamat yang perlu dicapai dalam proses integrasi semula.

Di samping itu, ia turut membincangkan tentang cabaran yang mereka hadapi. termasuk dari segi mendapatkan tempat tinggal, penerimaan keluarga, mendapatkan pekerjaan, mempunyai rakan positif, mengelakkan diri dari tingkah laku dadah dan penerimaan masyarakat. Berdasarkan cabaran tersebut, beberapa cadangan bantuan program pasca pembebasan yang terdiri daripada fasa persediaan, fasa pasca pembebasan dan fasa jagaan lanjutan dirangkakan. Jangkaan di mana apabila bekas banduan yang menerima program sebegini dari seawal di dalam penjara sehingga berada di luar penjara akan

melancarkan proses integrasi semula buat mereka. Pengkaji melampirkan rajah 1.1 Model Proses Integrasi Semula Bekas Banduan: Matlamat, Cabaran Dan Program Pasca Pembebasannya

**Rajah 1.1. Model Proses Integrasi Semula Bekas Banduan: Matlamat, Cabaran Dan Program Pasca Pembebasannya**



## 2. FUNGSI DAN OBJEKTIF KARYA

Objektif model ini adalah untuk memahami model proses integrasi semula bekas banduan sepanjang dibebaskan. Ia melibatkan fasa kehidupan, cabaran dan juga bentuk program yang boleh diberikan.

## 3. KOMPONEN, UNSUR DAN FASA KARYA

Model ini menunjukkan proses integrasi semula yang dilalui oleh bekas banduan apabila dibebaskan dari penjara. Ia melibatkan 3 fasa iaitu fasa pembebasan, fasa peralihan dan fasa integrasi semula. Dalam fasa pembebasan, bekas banduan akan mempunyai keperluan tertentu serta rekod sebagai suatu yang memberi cabaran. Terdapat pelbagai faktor risiko yang mengelilingi kehidupan bekas banduan sepanjang berada di dalam masyarakat. Seterusnya fasa peralihan yang melibatkan pelbagai cabaran termasuk pengangguran, isu penginapan, hubungan rakan sebaya, diskriminasi majikan dan masyarakat, ketagihan dan penolakan keluarga. Dan akhir sekali adalah fasa penentu di mana proses integrasi semula membawa kepada sama ada berhenti dari jenayah atau mengulangi jenayah.

Selain itu, model ini menunjukkan keperluan memperkenalkan program pasca pembebasan dan jagaan lanjutan yang turut melibatkan 3 fasa iaitu fasa pra persediaan yang diberikan bermula dari banduan ini di dalam penjara. Ia diikuti dengan fasa kedua iaitu program pasca pembebasan dan jagaan lanjutan. Ia diakhiri dengan fasa ketiga di mana bekas banduan menjadi seorang yang produktif dan bebas jenayah.

#### 4. FAEDAH DAN SUMBANGAN KARYA

Model ini bertujuan untuk membantu agensi kerajaan seperti Jabatan Penjara Malaysia agar mendapat manfaat dari model ini khususnya dalam meningkatkan pemahaman mengenai cabaran proses integrasi semula yang dihadapi oleh bekas banduan. Dengan demikian, perkhidmatan bimbingan dan sokongan yang sepatutnya dalam disalurkan mengikut keperluan yang sepatutnya bagi memastikan kejayaan proses integrasi semula bekas banduan.

#### 5. LATARBELAKANG PEREKA KARYA

Mohd Alif bin Jasni (PhD) merupakan pensyarah kanan di Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar, Kerja Sosial (SAPSP), Universiti Utara Malaysia. Beliau merupakan pemegang Doktor Falsafah dalam bidang Keadilan Sosial dari Universiti Malaysia. Bidang kepakaran beliau dalam pemulihan jenayah, bekas banduan, gelandangan bekas banduan, pengulangan jenayah.

Siti Hajar Abu Bakar Ah (PhD) merupakan Profesor di Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial, Universiti Malaya. Bidang kepakaran utamanya adalah Dasar Sosial. Selama 20 tahun, beliau terlibat dalam mengembangkan dan mempromosikan peluang pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan dalam bidang kebijakan sosial dan pekerjaan sosial. Minat kajiannya tertumpu pada program penjagaan sosial untuk kanak-kanak yang berisiko di Malaysia, kesejahteraan kanak-kanak dan perkembangan sosial untuk kumpulan sosial yang rentan.

Noralina Omar (PhD) merupakan pensyarah kanan di Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial, Universiti Malaya. Beliau memperoleh Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Kerja Sosial Keluarga, Master Sains dalam bidang Ekologi Keluarga dan Bachelor Sains (Pembangunan Manusia). Bidang minat beliau ialah kesejahteraan keluarga dan kanak-kanak manakala kajian beliau banyak tertumpu kepada kesejahteraan golongan kurang bernasib baik dan terpinggir.

Norrueyati Che Mohd Nasir (PhD) merupakan pensyarah kanan di Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, Universiti Utara Malaysia. Beliau memperoleh Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Kerja Sosial Koreksional dari Monash University, Australia. Bidang kepakaran beliau merangkumi kerja sosial dalam pusat pemulihan/koreksional, kriminologi, delinkuensi, penyalahgunaan bahan, pesalah seksual, residivisme, integrasi semula dan penyelidikan kualitatif.

#### RUJUKAN

- Andress, D., Wildes, T., Rechtine, D & Moritsugu, K.P. (2004). Jails, prisons, and your community's health. *Journal of Law, Medicine and Ethics*, 32(4), 50-51.
- Austin, J. (2001). Prisoner reentry: Current trends, practices, and issues. *Crime & Delinquency*, 47(3), 314-334.
- Hughes, T & Wilson, D. (2004). *Reentry trends in the United States*. Washington, DC: Bureau of Justice Statistics, Office of Justice Programs. U.S. Department of Justice.
- La Vigne, N., Brooks, L & Shollenberger, T. (2007). *Returning home: exploring the challenges and successes of recently released Texas prisoners*. Washington, D.C.: Urban Institute Press.
- Phillips, L & Lindsay, M. (2011). Prison to society: A mixed methods analysis of coping with reentry. *International Journal of Offender Therapy and Comparative Criminology*, 55(1), 136-154.
- Thompkins, D. (2010). The expanding prisoner reentry industry. *Dialectical Anthropology*, 34(4), 589-604.
- Travis, J & Petersilia, J. (2001). Reentry reconsidered: A new look at an old question. *Crime & Delinquency*, 47(3), 291-313.